

MAHATHIR-KERUSI

OLEH RACHMAN NORDIN

1982

ALOR SETAR, 6 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI BAHAWA PEMBAHAGIAN KERUSI KEPADA PARTI PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL DIBUAT BEGITU CARA SUPAYA SEMUA PIHAK MEMAINKAN PERANAN MASING-MASING BAGI MENJAMIN KERAJAAN SEKARANG MENDAPAT MANDAT SETERUSNYA PADA 22 APRIL NANTI.

PERDANA MENTERI YANG JUGA Pengerusi Barisan Nasional meminta semua anggota parti komponen Barisan Nasional termasuk yang tidak terpilih sebagai calon supaya mengeneipkan kepentingan peribadi dan sebaliknya berusaha menjamin peluang cemerlang bagi Barisan Nasional mendapat mandat rakyat.

Beliau berharap dalam tempoh dua minggu selepas penamaan calon esok semua parti komponen akan sanggup bekerja 24 jam untuk tujuan itu.

Katanya Barisan Nasional mesti mendapatkan mandat tersebut untuk melaksanakan apa yang terkandung dalam manifestonya yang menekankan kerajaan yang bersih, cekap dan amanah.

Perdana Menteri bercakap kepada para pemberita selepas menemui para bakal-bakal calon dan pekerja Barisan Nasional di Kediaman Menteri Besar Kedah di Mentaloon dekat sini petang ini. -- BERSAMBUNG 1805/SZ

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN DALAM PEMBAHAGIAN KERUSI TENTULAH ADA PARTI-PARTI YANG KURANG SEDIKIT KERUSINYA UNTUK MEMBERI TEMPAT KEPADA RAKAN-RAKAN YANG LAIN SEPERTI PARTI BERJASA.

Berjasa diberikan satu kerusi Dewan Undangan Negeri di Kedah untuk pilihanraya umum kali ini.

Perdana Menteri menegaskan pemilihan calon Barisan Nasional dibuat bergantung kepada berbagai-bagai faktor dan bukan satu ukuran sahaja. Ini termasuk faktor kebolehan diri dan umur seseorang calon itu.

Katanya walaupun faktor peribadi diambil kira tetapi ia bukanlah faktor tunggal dalam pemilihan calon kerana +KALAU KITA AMBIL KIRA FAKTOR PERIBADI SAHAJA, SUSAPLAH.+

-- BERSAMBUNG 1813/SZ

TENTANG PEMILIHAN MUKA BARU DAN MENGEKALKAN MUKA LAMA PERDANA MENTERI MENEGASKAN INI BERPANDUKAN HAKIKAT BAHAWA MUKA-MUKA LAMA JUGA BERPENGARUH MANAKALA MUKA-MUKA BARU PULA TIDAK KURANG PENGARUH MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGAKUI MUNGKIN ADA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI KOMPONEN YANG TIDAK PUAS HATI KERANA TIDAK TERPILIH TETAPI KEPADA MEREKA DALAM GOLONGAN INI SERTA PENYOKONG-PENYOKONGNYA BELIAU BERHARAP MEREKA MENYOKONG PARTI DAN BUKAN INDIVIDU-INDIVIDU TERTENTU.

TENTANG ISU BARISAN NASIONAL UNTUK PILIHANRAYA PULA PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAGI MENDAPATKAN MANDAT BARU IA TIDAK AKAN MENIMBULKAN APA-APA ISU.

KATANYA BARISAN NASIONAL MISALNYA TIDAK PERLU UNTUK MEMBANGKITKAN ISU-ISU AGAMA SEBAGAI HELAH UNTUK MEMENANGI UNDI.

DITANYA TENTANG STRATEJI PAS BAGI PILIHANRAYA 1982 IAITU HENDAK MEMENANGI SEBERAPA BANYAK KERUSI DARIPADA MEMENAGI UNDI MELAYU SAHAJA PERDANA MENTERI BERKATA PARTI SEPERTI PAS MEMANG BANYAK MENGEMUKAKAN STRATEJI ITU DAN STRATEJI INI. -- BERSAMBUNG 1820/SZ

MAHATHIR-KERUSI 4 ALOR SETAR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SETIAP KALI PAS HENDAK MENGHADAPI PENGUNDI IA AKAN MENGEMUKAKAN STRATEJI-STRATEJINYA TETAPI BIASANYA STRATEJI-STRATEJI TERSEBUT DILUPAKAN BEGITU SAHAJA APABILA PILIHANRAYA SELESAI.

DITANYA TENTANG KEMUNGKINAN MASALAH-MASALAH POLITIK NEGERI-NEGERI DIATASI DENGAN PERLANTIKAN MUKA-MUKA BARU SEBAGAI MENTERI BESAR DATUK SERI DR. MAHATHIR HANYA SEKADAR BERKATA +KITA TUNGGU DULU DAN LIHAT SIAPA ANTARA MEREKA YANG DICALONKAN AKAN BERJAYA KELAK.+ -- BERNAMA 1822/SZ